

03/02/2003

Henti isu barisan baru (HL)

Saufi Hamzah

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menasihatkan semua pemimpin Barisan Nasional (BN) berhenti berbincang mengenai barisan Kabinet baru apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri selepas persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir kini masih menjadi Perdana Menteri dan semua pihak sepatutnya memberi tumpuan terhadap tugas masing-masing bagi memastikan pembangunan negara berjalan berterusan.

"Saya hargai minat yang ditunjukkan pelbagai pihak yang memberi saya peluang untuk menentukan barisan kepimpinan baru kerajaan.

"Tapi tak usahlah bercakap banyak sangat hal ini, habiskan kerja dulu. Kerja masih banyak lagi. Kita terus bekerja dan beri sokongan kepada kepimpinan Dr Mahathir sampailah masa Oktober nanti apabila beliau kata beliau akan bersara. Lepas itu kita fikirkan mengenai perkara ini.

"Sekarang ini saya fikir kita perlu terus beri perhatian kepada kerja," katanya selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran MCA Bahagian Kepala Batas di Penang Golf Resort di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Timbalannya, Datuk Dr Hilmi Yahaya; Pengerusi MCA negeri, Wong Kam Hoong dan Ketua MCA Bahagian Kepala Batas, Goh Poh Chuan.

Abdullah mengulas kenyataan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik bahawa semua menteri Kabinet mesti meletak jawatan apabila Perdana Menteri bersara pada Oktober ini mengikut prinsip dan amalan Parlimen.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir sendiri sudah membuat kenyataan dan penjelasan mengenai perkara itu dan semua pihak wajar memahaminya.

"Saya ingat penjelasan Dr Mahathir sudah tiga kali, cukup jelas dan kita semua amat memahaminya," katanya.

Sementara itu, ketika berucap pada rumah terbuka Tahun Baru Cina di Dewan Perhimpunan Cina di Georgetown, Abdullah berkata, rakyat perlu menerapkan nilai murni kepada anak bagi menjamin perpaduan kaum pada masa depan.

"Keamanan dan perpaduan kaum yang dinikmati hari ini bukan seperti menang loteri. Kegembiraan kita adalah hasil usaha kita" katanya.